

Publication: Berita Harian Date: 29 March 2021

Headline: Program Pelatih beri peluang pekerjaan, sokong syarikat berkembang (Traineeship programme provides opportunities; support company expansion)

Edisi cetak BH disiap paling lewat sehingga 9 malam sebelum proses pencetakan. Untuk laporan terkini, sila ke wadah digital BH di BeritaHarian.sg

serita Harian

Singapore Press Holdings Foundation www.spinfoundation.org.3g

ISNIN, 29 MAC 2021 (15 SYAABAN 1442)

Sebuah penerbitan SPH - kumpulan media yang diyakini

MCI (P) 025/09/2020

60 sen

Sayur percuma bagi penduduk susah dari kebun masyarakat



Program Pelatih beri peluang pekerjaan, sokong syarikat berkembang



Umno mahu perkukuh undang-undang Syariah jika menang pilihan raya: Zahid

Berita Harian | Isnin, 29 Mac 2021

EKONOMI & KERJA

Program Pelatih beri peluang pekerjaan, sokong syarikat berkembang

35,000 peluang pelatih telah disediakan untuk para graduan, naik daripada 25,000 yang disediakan tahun lalu

> NURFAHRURIZA ISMAIL fahrurizai@sph.com.sg

PROGRAM Pelatih SGUnited bukan sahaja memberi peluang graduan universiti yang baru mendapatkan pekerjaan dalam pasaran buruh yang merundum, malah ia juga menyediakan wadah bagi majikan meneruskan operasi, malah berkembang di tengah-tengah kemelesetan ekonomi.

Demikian menurut beberapa majikan dan lulusan baru ketika dihubungi Berita Harian (BH).

Jurutera pengetua kanan di Oliver Healthcare Packaging Asia, sebuah syarikat huraian pembungkusan jagaan kesihatan, Encik Santosh Madival, berkata menerusi program tersebut syarikat itu dapat memanfaatkan

bakat-bakat muda yang baru lulus dari universiti bagi meneruskan operasi mereka.

Program Pelatih SGUnited bertujuan untuk menyediakan lulusan baru atau mereka yang bakal menamatkan pengajian dengan peluang untuk mendapatkan pengalaman kerja yang relevan dengan industri yang mereka pelajari, yang dijalankan dari enam sehingga 12 bulan.

Melalui program ini, pelatih akan menerima elaun latihan antara \$1,400 dengan \$3,000 sebulan, di mana 80 peratus dibiayai pemerintah.

Salah seorang kakitangan Oliver Healthcare di bawah program Pelatih SGUnited kini ialah Encik Amirul Hagiem Mohamed Noor.

Encik Amirul, 28 tahun, berkata pengalaman menerusi program itu sangat bernilai dan telah mempersiapkannya untuk dunia pekerjaan

Lulusan Institut Teknologi Singapura (SIT) itu telah menjalani program pelatih ini sebagai teknisyen makmal di Oliver Healthcare sejak pada Ogos tahun lalu.

Majikannya gembira dengan kelakonan Encik Amirul, justeru beliau kini telah ditawarkan pekerjaan sepenuh masa.

Mengulas mengenai Encik Amirul, Encik Madival

"Amirul dapat menyesuaikan diri dengan cepat dengan skop dan keperluan kerja di sini, dan kami mendapati prestasi beliau sepadan dengan apa yang diperlukan sebagai seorang teknisyen makmal, kerana itu kami memutuskan untuk menawarkan jawatan sepenuh masa untuknya supaya dia dapat menjadi sebahagian dari pasukan kami."

Mengulas mengenai bagaimana program pelatih tersebut memanfaatkan syarikatnya, Encik Madiyal berkata ia membantu mereka untuk meneruskan dan juga mengembangkan operasi syarikat.

"Program ini membolehkan organisasi untuk membawa masuk lulusan baru sebagai pelatih untuk menyokong keperluan niaga dan mengembangkan operasi harian dalam kami bersiap sedia bagi pemulihan ekonomi," kata Encik Madival lagi.

Menurut satu tinjauan pekerjaan siswazah tahunan yang dikeluarkan bulan lalu, bilangan graduan yang berjaya mendapat pekerjaan sepenuh masa tahun lalu merosot dengan hanya 70 peratus lulusan memperolehi pekerjaan, berbanding 81.7 peratus pada tahun 2019.

Justeru, sebanyak 35,000 peluang pelatih telah dise-diakan untuk para graduan melalui Program Pelatih SGUnited, naik daripada 25,000 yang disediakan tahun

Seramai 5,400 pelatih telah ditempatkan di bawah program tersebut sehingga kini, sejak diperkenal Ogos tahun lalu.

Seorang lagi yang telah merebut peluang program itu ialah Encik Muhammad Faiezin Osman.

Encik Faiezin, 25 tahun, lulusan jurusan kejuruteraan kimia dari Institut Teknologi Singapura, sedang menjalani program pelatihnya sebagai pegawai penyelidik di institusi lamanya di jabatan penyelidikan

Beliau memulakan program pelatihnya Oktober tahun lalu, setelah tiga bulan mencari pekerjaan sejak menduduki peperiksaan tahun akhirnya.

"Program ini sangat bermanfaat untuk saya kerana ia bukan sahaja membantu saya mendapatkan kemahiran yang diperlukan untuk bekerja di makmal, pada masa yang sama, ia juga membantu saya mendapatkan kemahiran insaniah," jelas Encik Faiezin.

Profesor Madya Cheow Wean Sin, penyelia Encik Faiezin dan juga seorang pensyarah di SIT berkata, beliau percaya dengan kebolehan pelatihnya semasa menjalani program itu, dan kerana itu beliau memutuskan untuk menawarkan jawatan sepenuh masa kepada En-

Bersikap positif antara punca dapat kerja penuh cabaran

"Jika anda dapat memberi fokus pada yang positif dalam melakukan apa sahaja, anda dapat membangun secara profesional untuk masa depan."

- Encik Amirul Hagiem Mohamed Noor.



KEKAL POSITIF: Kerana etika kerja yang baik dan sikapnya yang positif, Encik Amirul Haqiem Mohamed Noor telah ditawarkan pekerjaan tetap di syarikat Oliver Healthcare Packaging Asia, di mana beliau menjalankan Program Pelatih SGUnited. – Foto WORKFORCE SINGAPORE

WALAUPUN telah meng-hantar lebih 40 permohonan pekerjaan dalam tempoh dua bulan setelah menamatkan pengajiannya tahun lalu, Encik Amirul Haqiem Mohamed Noor, masih tidak berjaya mendapatkan pekerjaan tetap.

Meskipun demikian, lulusan jurusan kejuruteraan bioperubatan dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) itu tidak berputus asa dan meneruskan pencariannya.

Tidak lama selepas itu, Encik Amirul, 28 tahun, mendapati terdapat peluang untuknya men-jalani Program Pelatih SGUnit-ed sebagai graduan baru.

Beliau kemudian membuat permohonan untuk jawatan teknisyen makmal pelatih di Oliver Healthcare Packaging Asia, sebuah syarikat huraian pembungkusan jagaan kesihatan dan berjay. Beliau memulakan tugasnya Ogos tahun lalu.

Kerana etika kerjanya yang baik, beliau ditawarkan jawatan sepenuh masa di syarikat tersebut pada Disember tahun lalu, dan telah memulakan peranan barunya lima bulan selepas menjalankan program tersebut.

caya mendapat tawaran ini kerana tujuan saya menjalani program ini adalah untuk mendapatkan pengalaman dan mempelajari sebanyak yang mungkin tentang industri ini dalam 12 bulan

"Saya sebenarnya tidak per-

"Saya juga mengambil masa untuk memberi fokus kepada tugas dan tanggungjawab saya, dan dari situ, saya dapati bahawa saya berminat dengan proses mereka bungkusan penjagaan kesihatan dan mahu mempertingkat kemahiran itu," tambah-

nya lagi kepada Berita Harian. Beliau menjelaskan peranannya sebagai teknisyen makmal sepenuh masa tidak jauh beza dengan peranannya sebagai pel-

Selain mengendalikan dan menyenggara pelbagai mesin di pusat teknikal dan melaksanakan ujian bahan untuk menilai sampel pelanggan, ia telah diluaskan kepada tugasan yang memerlukan tanggungjawab yang lebih besar seperti berhubung dengan pembekal luar.

melakukan apa sahaja, anda dapat membangun secara profesion-"Peranan ini memerlukan pemahaman lebih mendalam tenal untuk masa depan," katanya.

kerja tetap KECENDERUNGANNYA terhadap bidang kejuruteraan kimia bermula apa-

tang produk yang dihasilkan syarikat Oliver serta keperluan

dan juga hambatan serantau un-

tuk memenuhi permintaan pel-

anggan di rantau Asia-Pasifik,"

Ditanya tentang harapan masa depannya, Encik Amirul

berkata beliau ingin mempela-

jari lebih banyak lagi mengenai

proses pengeluaran keseluruhan

yang dijalankan di syarikat itu

untuk mereka sistem sekatan

steril, atau sterile-barrier system

menjadi lebih peka semasa mer-

ancang reka bentuk dan meng-

hasilkan prototaip untuk pelang-

gan supaya rekaan saya boleh di-

hasilkan," jelasnya. Encik Amirul berkata, selain

bersikap positif, seseorang itu

haruslah memberi fokus kepada

apa yang sedang dipelajari.
"Dari situ, kebolehan seseor-

ang untuk membangun dalam

peranan yang dijalankan dapat

fokus pada yang positif dalam

"Jika anda dapat memberi

ditentukan.

"Ini akan membolehkan saya

katanya.

bila Encik Muhammad Faiezin Osman mengambil jurusan Biologik dan Teknologi di Politeknik Nanyang. Namun begitu, kerana beliau menamatkan pengajiannya di dalam bidang yang diminatinya sedang pandemik Cov-

Tidak

tolak

tawaran,

prestasi

baik

hingga ditawar

lusan Kejuruteraan Kimia dari Institusi Teknologi Singapura (SIT) ini mendapatkan pekerjaan dalam bidang tersebut. Meskipun demikian, Encik Faiezin, 25 tahun, diberi peluang untuk menjalani Program Pelatih SGUnited di bawah kendalian Kementerian Tenaga Manusia (MOM) dan Tenaga Kerja Sin-

id-19 sedang meningkat, sukar untuk lu-

gapura (WSG) Oktober tahun lalu. Setelah menerima surat penganugerahan, beliau, yang pada masa itu bekerja sebagai seorang penyelidik separuh masa di SIT, ditawarkan untuk menjalani program pelatih di jabatan Kajian Gunaan (Applied Research) sebagai pegawai penyelidik pelatih di bawah

penyeliaan bekas pensyarah beliau. Encik Faiezin mengaku waktu itu merupakan tempoh yang sukar untuk-

"Saya sangat risau pada waktu itu, kerana tempoh tersebut merupakan tempoh di mana ramai graduan sedang mencari pekeriaan.

"Maka, saya bukan sahaja bersaing dengan rakan-rakan dari kursus yang sava ambil, tetapi sava juga bersaing dengan lulusan dari universiti-universiti lain untuk mendapatkan pekerjaan," katanya kepada Berita Harian.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai skop pekerjaannya sebagai seorang penyelidik pelatih, Encik Faiezin berka-



PRESTASI BAIK: Encik Muhammad Faiezin Osman, graduan Institusi Teknologi Singapura dalam jurusan Kejuruteraan Kimia, menjalani program pelatih di tempat pengajian lamanya dan kini sedang dalam perbincangan untuk tawaran jawatan sepenuh masa. - Foto BH oleh

"Segulung sijil bukan penentu masa depan anda, tetapi mempunyai semangat yang kuat adalah penting untuk berjaya."

- Encik Muhammad Faiezin Osman.

ta beliau harus memahami parameter untuk sesuatu proses yang dijalankan dan kemudian mensimulasikan proses tersebut menggunakan data.

"Jawatan ini sangat berkait rapat dengan apa yang telah dipelajari semasa pen-

"Tambahan pula, penyelia saya sekarang merupakan pensyarah lama saya di SIT, dan mereka banyak mem-

beri sokongan dan dorongan yang saya perlukan," katanya.

Encik Faiezin berkata, program pelatih ini memerlukan kemahiran tertentu seperti pengaturcaraan (programming) untuk menganalisis data, sesuatu yang diketahuinya secara asas.

"Saya diajar mengenai pengaturcaraan di sekolah tetapi tidak begitu mendalam, dan sebelum menjalankan program ini, saya mengambil kursus untuk mempelajari tentang pengaturcaraan seperti VBA dan Python melalui dalam

"Di sini, ia membantu saya meningkatkan kemahiran tersebut kerana saya dapat mengaplikasikan apa yang telah saya pelajari," ujarnya.

Encik Faiezin menambah, selain daripada meningkatkan kemahirannya di dalam pengaturcaraan, beliau juga dapat memperbaiki kemahiran lain seperti kemahiran makmal dan juga penyam-

"Dengan mendedahkan saya kepada kemahiran seperti ini, ia memperluas ilmu dan kebolehan saya untuk jenis pekerjaan yang mungkin ingin saya ceburi di masa hadapan," kata beliau.

Kerana prestasi baik yang ditunjukkan Encik Faiezin sebagai seorang pegawai penyelidik pelatih, beliau telah ditawarkan jawatan sepenuh masa di jabatan itu sebelum menamatkan program latihan pada Oktober tahun ini.

Nasihatnya kepada mereka yang melalui situasi yang sama seperti beliau ialah merebut semua peluang yang ada.

"Segulung sijil bukan penentu masa depan anda, tetapi mempunyai semangat yang kuat adalah penting untuk berjaya," ujar beliau.